

NILAI RINGGIT DAN EKONOMI MALAYSIA

oleh

Kama Firdaus Binti Subbahi

Pegawai Penyelidik

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Berita kejatuhan Ringgit Malaysia (RM) sering dilaporkan bukan sahaja di media-media tempatan malah di media negara-negara jiran seperti Brunei dan Singapura. Kejatuhan mata wang RM kali ini dikatakan mendadak dan paling teruk sejak krisis mata wang Asia pada tahun 1998 iaitu RM3.60 untuk setiap dolar Amerika Syarikat (AS). Pada awal tahun ini nilai ringgit merosot sebanyak 6.3 peratus dari setahun lepas berbanding dolar AS dan ini adalah antara mata wang yang paling teruk terjejas selain mata wang Jepun yang menyusut sebanyak 12 peratus. Pengukuhan nilai dolar AS kepada RM3.60 serta merta telah memberi impak kepada rakyat kerana ia mempengaruhi corak perbelanjaan domestik baik oleh golongan peniaga mahupun pengguna. Lebih-lebih lagi paras ringgit yang rendah ini berlaku serentak dengan kejatuhan harga minyak dunia. Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), penyusutan nilai ringgit ini berpunca daripada pengukuhan nilai dolar AS.

Namun demikian, pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.6 peratus masih kukuh walaupun berhadapan dengan situasi mencabar ketika ini terutamanya disebabkan kejatuhan nilai ringgit dan harga minyak dunia yang seiring. Bagi tahun 2014, jumlah pertumbuhan pelaburan negara adalah melebihi RM70 bilion dan daripada jumlah itu, RM30.7 bilion pelaburan terletak dibawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Jumlah pelaburan dalam industri dijangka berkurangan sedikit bagi tahun 2015 disebabkan pertumbuhan ekonomi global masih tidak menentu, walau pun ekonomi AS sedang melalui proses pemulihan.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Mata wang yang lemah berpotensi meningkatkan kadar inflasi tempatan dan juga harga barangan import menjadi semakin mahal. Dari segi konsep, inflasi merupakan suatu kenaikan dalam tingkat harga umum barangan dan perkhidmatan dari semasa ke semasa. Dalam erti kata lain, setiap unit mata wang cuma dapat membeli barangan dan perkhidmatan dengan jumlah yang sedikit berbanding sebelumnya. Maka berlakulah penurunan jumlah permintaan domestik atau perbelanjaan (*consumption*) yang menyumbang kepada kemelesetan ekonomi.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) juga dilihat akan memberi kesan terhadap permintaan domestik di mana jual beli barangan dan perkhidmatan dijangka akan mengalami sedikit kemerosotan. Menurut Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz pada pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama 2015, beliau menjangka perbelanjaan domestik akan lebih perlahan untuk tempoh baki sembilan bulan 2015 setelah pelaksanaan GST.

Walaupun permintaan pengguna menurun, namun ekonomi Malaysia dijangka masih mampu tumbuh dengan baik. Asas ekonomi negara terus kukuh dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diunjurkan berkembang antara 4.5 dan 5.5 peratus pada tahun ini. Antara petanda lain menunjuk ke arah pengukuhan ekonomi Malaysia adalah defisit negara yang semakin mengecil, rizab yang kukuh walau pun mengecil, mempunyai institusi kewangan diyakini, pengangguran yang rendah dan pelaburan asing mencecah paras tertinggi. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita tumbuh dengan 47.7 peratus pada 2010 daripada AS\$7,059 dan pada 2014 mencapai AS\$10,426. Menurut Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Hamim Samuri, di dalam kenyataannya, apabila ringgit Malaysia jatuh ia memberikan kebaikan kepada Malaysia kerana ia menarik lebih ramai pelabur ke negara ini disebabkan nilai mata wang yang rendah sekaligus meningkatkan keuntungan dan membantu memulihkan ekonomi negara.

Pengenalan GST juga akan menyumbang kepada hasil kerajaan sebanyak RM31.4 bilion setahun dalam tempoh lima tahun akan datang berbanding RM15.6 bilion yang dikutip menerusi cukai jualan dan perkhidmatan dalam RMK-10. Perlaksanaan GST ini dapat memperkukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia memandangkan ia akan

menjadikan kutipan cukai lebih cekap sekaligus menjana hasil yang lebih besar serta merangsang pertumbuhan ekonomi. GST adalah cukai penggunaan iaitu mereka yang berpendapatan tinggi akan berbelanja lebih berbanding yang berpendapatan sederhana dan rendah. GST sebanyak 6 peratus yang dikenakan ini adalah yang terendah di ASEAN dan antara yang terendah di dunia menggantikan cukai jualan 10 peratus dan cukai perkhidmatan 6 peratus yang mana ia bukanlah cukai tambahan. Maka, tindakan kerajaan Malaysia untuk melaksanakan GST 2015 adalah satu tindakan yang tepat, lebih-lebih lagi sekiranya perbelanjaan kerajaan hasil dari cukai tersebut dapat disalurkan kearah pengukuhan kapasiti pengeluaran dan produktiviti negara.